



**REMAN TAMAT:** Suspek (kiri) yang direman bagi membantu kes tembak pada 1 Januari lalu dibebaskan dengan jaminan polis semalam.

## Reman tamat, suspek kes tembak dibebas dengan jaminan polis

**SIBU:** Lelaki berusia 30-an yang ditahan reman bagi membantu kes tembak di Jalan Wong King King Huo pada 1 Januari lalu telah dibebaskan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Oon Kork Chern memerintahkan suspek dibebaskan dengan jaminan polis selepas tahanan reman selama tiga hari terhadapnya tamat.

Suspek itu ditahan pada 15 Disember 2024 di balai berlepas Lapangan Terbang Bintulu ketika dipercayai ingin menaiki penerbangan ke Kuala Lumpur pada jam 7.45 malam.

Semasa berada di pusat pemeriksaan imigresen, pegawai bertugas mendapati suspek berada dalam senarai orang yang dikehendaki polis lalu bertindak memaklumkan polis.

Suspek kemudian ditahan di situ dan direman untuk tiga hari bermula 16 Disember lepas bagi membantu siasatan kes yang difaikkan mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan atas cubaan membunuh.

# Reman tamat, suspek kes tembak dibebas dengan jaminan polis

## ► Dari Muka 1

Dalam kejadian 1 Januari lepas, tiga lelaki cedera selepas ditembak dua lelaki tidak dikenali di sebuah kedai kopi sekitar jam 5 petang di Jalan Wong King Huo.

Ketika mereka sedang minum bersama rakan-rakan yang lain, tiba-tiba dua lelaki yang menaiki sebuah motosikal bertindak melepaskan tembakan ke arah kumpulan lelaki tersebut sebelum melarikan diri dari tempat kejadian.